

25 MAY 2003

SULTAN BRUNEI BERANGKAT PULANG SELEPAS MELAWAT PULAU PINANG

PULAU PINANG, 25 Mei (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah hari ini berangkat pulang ke Bandar Seri Bagawan selepas mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke negeri ini sejak Jumaat lepas.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas mengucapkan selamat berangkat kepada baginda bersama 11 anggota rombongannya yang menaiki pesawat khas diraja di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini pada kira-kira pukul 4.50 petang.

Turut mengucapkan selamat berangkat kepada baginda ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku menteri pengiring, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahaya serta barisan anggota Exco kerajaan negeri.

Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Khalid Ramli, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan turut berada di lapangan terbang.

Sebelum menaiki pesawat, Mufti Kerajaan Negeri Datuk Hassan Ahmad membaca doa selamat.

Semasa berada di sini, Sultan Brunei mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta mendengar taklimat pembangunan ekonomi Pulau Pinang di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

-- BERNAMA

NER RON